

**Johor Bahru:** Columbia Asia Hospital-Tebrau (CAH-Tebrau) menganjurkan program AyuhSihat! sebagai pendedahan gaya hidup sihat kepada penduduk kawasan Tebrau membabitkan pelbagai aktiviti sepanjang hari.

Menerusi program itu orang ramai berpeluang menyalurkan derma kepada Yayasan Kanser Tunku Lakamana bertujuan membantu pesakit kanser.

Pengurus Besar Wilayah Selatan berpusat di CAH-Tebrau, Rahani Yaacob berkata, sebagai hospital baru dibuka di sini, pihaknya mahu memberikan pendedahan kesihatan kepada penduduk



CAH-Tebrau menganjurkan program pendedahan gaya hidup sihat kepada penduduk sekitar.

setempat, sekali gus bersama-sama mengamalkan gaya hidup sihat.

Katanya, menerusi acara

itu orang ramai dapat melawat hospital berkenaan dan pada masa sama, bersemenam serta mengetahui

perkhidmatan yang disediakan.

"Kami mahu kehadiran kami disedari kerana menyediakan perkhidmatan perubatan terbaik kepada semua pesakit.

"Malah, disebabkan peningkatan pelbagai penyakit berbahaya tidak berjangkit seperti sakit jantung dan kencing manis, amat penting untuk kami memberi kesedaran kepada orang ramai supaya tahu cara-cara menghindari penyakit berkenaan," katanya.

Menurutnya, program seperti AyuhSihat! akan mengumpul orang ramai untuk melakukan pelbagai aktiviti secara santai.